

Leksikal `sinonim` dalam al Quran: satu analisis fungsi dan kesan semantik

ABSTRAK

Sinonim merupakan salah satu fenomena linguistik yang menjadi perbincangan di kalangan ahli bahasa terutama isu kewujudannya di dalam teks al Quran. Perkara tersebut menyebabkan sebilangan sarjana mengemukakan kategori dan ciri tertentu mengenai sinonim berdasarkan pandangan dan hujah masing-masing. Lanjutan daripada itu, kajian kualitatif ini memaparkan beberapa leksikal „sinonim“ (LS) menurut perbincangan Himadah Muhammad (2007). Objektif kajian adalah untuk mengenalpasti fungsi dan kesan semantik leksikal terhadap konteks ayat. Di samping itu, kajian juga mengklasifikasi kekerapan perkataan mengikut analisis morfologi melalui kata dasar dan bentuk asal untuk menampakkan kategori semantik. Justifikasi pandangan daripada sarjana al Quran juga diketengahkan sebagai validasi tafsiran. Kajian ini menerapkan teori Analisis Komponen Makna (AKM) sebagai panduan. Dapatan menunjukkan setiap LS dalam kajian ini mendokong perincian maksud yang khusus dan bukan sinonim. Ini kerana, LS yang wujud di dalam al Quran mempunyai nilai kesempurnaan, fungsi dan kesan tersendiri. Pemilihan perkataan juga selaras dengan kepentingan, justifikasi dan konteks ayat. Justeru, perbincangan yang dijalankan diharap menjelaskan konsep dan hubungan semantik antara leksikal sebagai asas untuk mengetengahkan peranannya secara linguistik terutamanya di dalam al Quran.

KataKunci: Fungsi; Kesan; Sinonim; Semantik; Al Quran